

MALARIA

Apakah Malaria

Malaria disebabkan oleh gigitan nyamuk tiruk (Anopheles) yang membawa parasit malaria. Parasit ini hidup dalam sel darah merah pesakit dan akan memusnahkan sel-sel darah merah tersebut yang boleh mengakibatkan MAUT.

Cara Jangkitan

Nyamuk tiruk (ANOPHELES) yang mempunyai parasit malaria dalam badannya apabila menggigit orang yang sihat akan menjangkitkan parasit tersebut kepada orang itu.

Nyamuk tiruk (ANOPHELES) membiak di kawasan berair jernih yang terdedah kepada cahaya matahari seperti tanah bertakung, sawah, aliran air kaki bukit, aliran air tepi semak dan sebagainya.



Tanda-Tanda

Tanda utama penyakit malaria ialah demam.

Peringkat Demam

- Rasa sejuk badan yang menggigil.
- Dikuri dengan rasa panas badan/suhu badan tinggi.
- Seterusnya badan berpeluh-peluh dan pesakit merasa sihat.

Demam boleh berlaku setiap hari, selang sehari atau selang dua hari. Kerosakan sel-sel darah menyebabkan pesakit merasa lesu, tidak bermaya dan pucat.

Bagaimana Mengesan Malaria

Malaria dapat dikesan dengan pemeriksaan setitik darah.

Akibat Jangkitan Malaria

Kes yang tidak dirawat dengan sempurna boleh menjangkiti dan boleh bertahan lama yang akan mengakibatkan:

- Kerosakan buah pinggang (Nephrotic Syndrome)
- Kerosakan otak
- Ibu mengandung boleh menyebabkan keguguran, kematian janin, premature dan kurang berat badan.
- Sel darah merah dibinasakan oleh parasit malaria.
- Pembesaran limpa (Chronic Anemia)

Cara Pencegahan

- Memakai pakaian yang sempurna bagi melindungi dari gigitan nyamuk.
- Tidur dalam kelambu berubas.
- Guna ubat nyamuk.
- Memasang jejaring pada semua tingkap rumah.
- Membenaskan rumah anda disembur dengan racun pembasmi malaria.
- Membawa orang yang demam ke Kemudahan Kesihatan untuk pemeriksaan darah.
- Memakan ubat pencegah atau menggunakan repelant bila memasuki atau bermalam di kawasan hutan atau luar rumah.



MALARIA